

KEUTAMAAN PENERIMAAN BAHASA BERKOMUNIKASI REMAJA 1MALAYSIA; ADAKAH BAHASA MELAYU (TINGGI), BAHASA INGGERIS ATAU SELAINNYA?

Nur Azuki Yusuff
Siti Bahirah Saidi
Yohan Kurniawan

Abstrak

Iklim berkomunikasi Remaja 1Malaysia perlu menggunakan bahasa Melayu Tinggi agar jati diri masyarakat Malaysia dapat dikekalkan, begitu juga jangka hayat bahasa Melayu di samping mencerminkan imej negarawan sejati. Hakikatnya penerimaan bahasa ini belum menepati hak sebenarnya. Begitupun Bahasa Inggeris sering didambakan sebagai bahasa tinggi, namun penerimaannya masih perlu dipersoalkan. Kertas ini mengetengahkan realiti tersebut dengan mengetengahkan ukuran tahap kecaknaan remaja dalam memperjuangkan bahasa jiwa bangsa ini. Hasilnya, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu Tinggi agak mengecewakan dan paling secara serius perlu diperjuangkan, Bahasa Slanga dan Dialek sendiri memang berada dibibir remaja 1Malaysia. Bahasa Inggerispun hanya menjadi perantara kepada situasi tertentu sahaja. Justeru, usaha meningkatkan penerimaan Bahasa Melayu Tinggi dan penguasaan Bahasa Inggeris perlu digiatkan secara kolektif dan bersepadu.

1.0 Pendahuluan

Pembangunan negara perlu disokong oleh semua entiti masyarakat. Masyarakat yang harmoni dan bersatu semestinya memiliki bahasa perantara komunikasi yang sama, selaras dan disatukan.

Namun perlu diingatkan, penggunaan bahasa bagi tujuan berkomunikasi adalah pilihan individu. Ia bukan suatu yang boleh dipaksa kecuali dalam suasana formal atau keadaan berkeperluan tinggi¹ untuk berbahasa lain dari pilihan biasa individu tersebut.

2.0 Definisi dan Konsep Kajian

Penggunaan terminologi Bahasa tinggi ialah bagi bahasa baku atau bahasa standard dengan penggunaan kosa kata dan nahu yang betul. Ianya bahasa yang digunakan untuk bahan cetakan kekal (eskapisminda.blogspot,2009) Bahasa melayu tinggi pula ialah menjadikannya bahasa intelektual dan bahasa bagi peradaban tinggi. Ia adalah gabungan antara ketinggian nilai peradaban, tatabahasa yang mantap dan penerimaan sejagat (Prof Abdullah Hassan, 2012). Bahasa Melayu tinggi ialah bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan konsep dan pemikiran yang teknikal serta berfungsi sebagai sarana budaya tinggi (Nik Safiah Karim,)

¹ Contohnya dalam majlis antarabangsa atau berada di negara yang tidak menggunakan bahasa Melayu. **Kertas dibentangkan di INSAN2014**

Penerimaan amnya memberi maksud perbuatan menerima, menyambut, menghargai, mengakui, mengizinkan, membenarkan dan juga melibatkan memilih dan menyertai sesuatu rancangan, program, kaedah, institusi dan selainnya. (Kamus Dewan, 2002) Ia juga bermaksud menyetujui sesuatu kehendak dan pengambilan sesuatu hak. (Kamus Pelajar, Bahasa Malaysia (1988). Dalam bahasa Arab, penerimaan adalah sinonim dengan perkataan: *قبولا, استقبال, مقابلة تسلّم*. (Abd. Bin Nuh dan Oemar Bakry, 1995) Perkataan *الشيء:تناوله, قبضه, تسلّم* membawa maksud *صدقته, أخذه, ان يكونا على استقامة مع* manakala *مقابلة* membawa maksud *الأرض, استقبال, قبولا*, (al Munjīd Fi al Lughah wa al A'lām, 1986) Dalam bahasa Inggeris, penerimaan adalah merujuk kepada perkataan 'reception' iaitu *to receive* atau *to accept*. (Abd. Bin Nuh dan Oemar Bakry, 1995) Dalam kajian ini, konsep penerimaan meliputi maksud *involvement, Acceptation, Acceptance* dan *Reception*. *Involvement* ialah penglibatan, (Kamus Dwibahasa, 1990) relevannya perkataan ini kerana penerimaan melibatkan 'memiliki dan menyertai sesuatu atau seseorang sebagai sebahagian, elemen dan sealiran, menjadi sebahagian atau menduduki sesuatu'.² *Receive* bermaksud menerima, mendapat dan menyambut manakala *received* diterima umum sebagai betul. (Kamus Dwibahasa, 1990)³

Secara jelasnya penerimaan tidak mempunyai konsep yang tersendiri yang dijelaskan oleh para intelektual selain dari disokong oleh beberapa istilah yang dikemukakan tadi. Secara pastinya ia melibatkan dua bentuk penerimaan iaitu bersifat luaran dari sudut perbuatan dan dalaman dari sudut niat, hati dan perasaan.

Remaja pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12-21 tahun atau 13 hingga 25 tahun. Perkataan 'remaja' berasal daripada perkataan Latin bermakna menuju ke arah kematangan. golongan ini sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba dan sedang menuju ke tahap untuk menjadi dewasa. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang itu mengalami zaman remaja dia akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibat daripada itu, orang remaja merupakan orang yang emosinya tidak stabil, dan sentiasa "bermasalah". Golongan ini agresif dan sentiasa mencuba apa sahaja yang diinginkan oleh naluri mereka demi memenuhi matlamat yang diidam-idamkan.

Penggunaan frasa kata Remaja 1Malaysia secara konsepnya menggambarkan satu generasi bakal pemimpin Negara pada masa hadapan, jangkaan pada 2020-an. Mereka kini dididik untuk hidup bersatu padu di bawah gagasan 1Malaysia. Golongan inilah penentu masa depan Negara.

3.0 Objektif, Skop Kajian dan Metod Penganalisisan

Merujuk kepada beberapa kata kunci dan tajuk kertas kerja ini, dapatlah ditumpukan bahawa kajian yang dilakukan penulis bertujuan mengukur beberapa objektif, iaitu berkenaan:

² 'To have or include something or somebody as a part, an element or condition. Taking part in or being part of something'. (A.S. Hornby, 1995).

³ Joyce M. Hawkins pula menjelaskan *Receive* sebagai ; *acquire, accept, or take in, experience, be treated with, allow to enter, great on arrival; take willingly, say yes to an offer or invitation, agree to or take as true.*, (Kamus Dwi Bahasa).

1. keutamaan Bahasa berkomunikasi remaja 1Malaysia.
2. Faktor menyokong penerimaan remaja terhadap bahasa Inggeris dan bahasa ketiga.
3. Tahap persetujuan remaja bahawa Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan dan bahasa Inggeris sebagai keperluan pembelajaran sepanjang hayat.
4. Tahap Kesanggupan remaja 1Malaysia sebagai pejuang bahasa Melayu.

Objektif kajian dirangka berdasarkan pengamatan awal penulis berkenaan wujudnya kepincangan bahasa berkomunikasi para remaja. Penulis mendambakan sekiranya mereka sedar akan pilihan berbahasa mereka yang salah mampu mengubah kedudukan penerimaan berbahasa mereka, alangkah baiknya. Justeru, antara yang ingin diketengahkan penulis ialah berkenaan tahap penerimaan remaja Malaysia kini. Begitu juga mengenalpasti faktor yang mendorong penerimaan yang mampu mencapai dambaan penulis tadi.

Skop kajian ini melibatkan lebih 600 orang remaja tahap kedua berumur sekitar 19 dan 21 tahun. Skop remaja dipilih berdasarkan populasi masyarakat Malaysia dari sudut jantina, perbezaan etnik dan sub-etnik serta latar tempat. Perspektif di ambil merentasi sempadan agama, budaya dan pelbagai ideologi pelajar kerana ingin mengukur penerimaan dan persepsi mereka secara lengkap.

Kajian ringkas ini diukur secara kuantitatif dan kualitatif. Pengukuran kuantitatif berdasarkan instrumen yang dibina bersama rakan penulis.

Soalan awal mengetengahkan soalan berkenaan bahasa apakah yang menjadi keutamaan Bahasa berkomunikasi remaja 1Malaysia. Penulis mengklasifikasikan kepada dua skop tempat iaitu di kampus dan di kediaman asal pelajar. Bahasa yang menjadi pilihan ialah samada bahasa slanga atau pasar, dialek etnik itu sendiri, bahasa melayu tinggi dan bahasa Inggeris.

Manakala bagi soalan pemilihan faktor menyokong penerimaan remaja terhadap bahasa Inggeris dan bahasa ketiga (soalan 2), penulis meletakkan 4 faktor utama yang diperolehi berdasarkan pengamatan awal, iaitu; tuntutan pengijazahan, keperluan kerjaya, minat budaya dan orangnya dan kalahkan/kuasai Tamadun Barat. Faktor yang dikemukakan turut mengambilkira realiti yang mempengaruhi kehidupan individu.

Bagi soalan 3 dan 4, data kuantitatif diukur melalui ukuran nominal terperinci iaitu dari amat setuju (1) hingga ke amat tidak setuju (10), responden boleh memilih sehingga 10 pilihan untuk item soalan ini yang berkenaan tahap persetujuan remaja bahawa Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan dan bahasa Inggeris sebagai keperluan pembelajaran sepanjang hayat. Begitu juga tahap Kesanggupan remaja 1Malaysia sebagai pejuang bahasa Melayu.

Data kualitatif pula diambil oleh penulis hasil dari menemubual beberapa rakan yang merupakan tenaga pengajar bahasa Melayu, Inggeris dan bahasa ketiga sebagai mengesahkan hasil kajian.⁴

4.0 Pengumpulan dan Penganalisan Data Kajian

⁴ Rakan yang terlibat adalah dalam kalangan tenaga pengajar bahasa di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

Pengumpulan data dilakukan sepanjang Oktober 2013. Pada awalnya seramai lebih 600 responden dipilih, namun pengukuran sebenar diambil kira dari 601 remaja yang menuntut di Universiti Malaysia Kelantan kampus Pengkalan Chepa. Mereka berasal dari pelbagai lokasi sekitar Malaysia, populasi kaum sebagaimana berikut; 70.6% Melayu, 16.3% Cina, 6.1% India dan 7% lain-lain etnik.

Demografi responden hanya mengambilkira populasi etnik sahaja bagi tujuan mengelakkan bias dalam hasil kajian nantinya. Responden juga secara etikanya menyatakan pandangan tanpa dipengaruhi dan dimanipulasi.

Setelah data dikumpulkan, pernyataan diperolehi berkenaan penerimaan adalah sebagaimana berikut:

4.1 Keutamaan Bahasa Berkomunikasi Remaja 1Malaysia

Soalan yang dikemukakan ialah; Pilih bahasa komunikasi anda. Jawapan perlu dibuat berdasarkan dua keadaan; iaitu bahasa komunikasi di kampus universiti dan bersama keluarga dan rakan sekampung. Dapatan yang diperolehi adalah sebagaimana dalam jadual berikut:

1. Bahasa komunikasi Saya:

1.1 Bersama rakan di Kampus	Bahasa slanga/pasar	42.2%	1.2 Bersama Keluarga/ Rakan sekampung	Bahasa slanga/pasar	41%
	Dialek Etnik sendiri	14.2%		Dialek Etnik sendiri	34.1%
	Melayu tinggi	33.3%		Melayu tinggi	18.4%
	Inggeris	10.2%		Inggeris	6.5%

Dapatan kajian ini jelas mencabar sensitiviti remaja kerana diminta menyatakan pendirian terhadap suatu yang menampakkan kesilapan mereka. Jelasnya mereka memang memilih berbahasa slanga atau bahasa pasar dengan rakan dan taulan samada di kampus dan bersama keluarga (lebih 40%). Dapatan ini turut disokong apabila penulis bertanyakan komunikasi mereka melalui media elektronik seperti facebook, twitter dan selainnya. Mereka merasakan lebih selesa dan lebih memenuhi nilai kebersamaan antara mereka apabila berkomunikasi sebegitu rupa.

Angka yang besar juga menerima dialek sendiri apabila berkomunikasi. Apa yang menarik, remaja 1Malaysia lebih menggunakan dialek sendiri apabila bersama keluarga (34.1%) berbanding semasa bersama rakan di kampus (14.2%). Dapatan ini tidak janggal sebagaimana tadi kerana sememangnya keluarga lebih suka menggunakan bahasa harian yang mudah difahami dan ringkas. Penulis ingin menyimpulkan bahawa **lebih kurang 14%** remaja 1Malaysia di kampus suka dan selesa bergaul dengan etnik mereka sendiri sahaja. Walaupun peratusannya kecil, angka inilah juga yang merumitkan usaha perpaduan.

Namun, harapan masih wujud kepada penerimaan bahasa Melayu tinggi kerana dari angka 18.4% pengamal bahasa tersebut dalam kalangan keluarga, terdapat penambahan **15%** (33.3%) remaja 1Malaysia yang menggunakan dan berusaha memantapkan pengamalan

bahasa tersebut bersama rakan sekampus mereka. Harapan semoga angka ini semakin bertambah di kemudian hari.

Begitu juga masih ada harapan untuk penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan remaja Malaysia apabila terdapat hampir 4% yang berterusan berusaha membiasakan penggunaannya bersama rakan sekampus.

Secara keseluruhannya, jika masyarakat Malaysia dan kerajaan khususnya komited dalam memartabatkan penerimaan bahasa Melayu tinggi dan penguasaan bahasa Inggeris, usaha perlu digiatkan dalam mengurangkan budaya berkomunikasi dengan bahasa Slanga dan bahasa pasar remaja Malaysia. Faktor bangga dengan bahasa komuniti kecil dan selesa meluahkan perasaan dengan bahasa 'kurang sopan' berbanding bahasa Melayu tinggi perlu dihakis.

Penulis perlu mengingatkan bahawa data ini diambil dari responden yang berpendidikan tinggi. Bayangkan sekiranya data diambil dari golongan remaja yang keciciran dan berpeleseran, kemungkinan angka penafian adalah lebih besar. Fakta sebegini amat mengecewakan.

4.2 Faktor Menyokong Penerimaan Remaja Terhadap Bahasa Inggeris Dan Bahasa Ketiga.

1. Faktor UTAMA saya belajar bahasa Inggeris dan bahasa ketiga:

2.1 Bahasa Inggeris	-Tuntutan pengijazahan	28.6%	2.2 Bahasa ketiga	-Tuntutan pengijazahan	35.8%
	-Keperluan kerjaya	61.1%		-Keperluan kerjaya	34%
	-Minat budaya dan orangnya	9.5%		-Minat budaya dan orangnya	28.8%
	-Kalahkan/kuasai Tamadun Barat	0.7%		-Kalahkan/Kuasai Tamadunnya	1.5%

Rentetan dari perolehan data 6% penerimaan bahasa Inggeris dalam kalangan keluarga dan lebih 10% di kampus, amnya penulis ingin mendapat kepastian faktor yang mungkin membantu meningkatkan reputasi bahasa ini. Penulis turut bertanyakan faktor bagi bahasa ketiga. Bahasa ketiga menurut fahaman remaja Malaysia ini ialah bahasa yang mereka pelajari di Universiti seperti bahasa Arab, Mandarin, Jepun, Perancis, Jerman dan selainnya.

Berdasarkan jawapan yang dikemukakan, 61.1% bersetuju dengan faktor bahawa penguasaan dan penerimaan bahasa Inggeris bagi tujuan kerjaya. Angka ini besar sebetulnya. Jelas jika dibandingkan hanya 34% yang memberi tumpuan kepada bahasa ketiga bagi tujuan kerjaya.

Penulis secara yakin menerima data di atas berdasarkan sokongan seterusnya bahawa Peratusan yang lebih besar (34.8%) yang mengatakan mereka mempelajari bahasa ketiga bagi tujuan memenuhi tuntutan pengijazahan. Manakala tuntutan menguasai bahasa Inggeris bagi tujuan pengijazahan adalah kurang **30%**. Ini bermakna remaja Malaysia lebih mengambil berat bahasa Inggeris bukan sekadar tuntutan pengijazahan.

Apa yang turut menarik perhatian ialah remaja 1Malaysia sudah bersedia untuk lebih mengkayakan pemahaman budaya yang lebih dari sekadar melihat budaya timur dan barat. Ini kerana hampir 30% remaja yang belajar bahasa ketiga adalah kerana minat dengan budaya dan tata hidup mereka berbanding budaya barat (bahasa Inggeris) yang hanya 9.5%.

Secara ironinya, walaupun remaja 1Malaysia boleh dengan mudah berkomunikasi bahasa melayu tinggi, namun mereka masih lagi tidak optimis bahasa Melayu mampu lebih menyaingi bahasa lain di persada budaya berkomunikasi bahkan lebih lagi sebagai peradaban dunia apabila kurang 2% yang belajar bahasa Inggeris dan bahasa ketiga adalah untuk menyaingi, mengalahkan sehinggakan menafikan kekuatan tamadun mereka berbanding tamadun melayu. Secara mudah difahami, mereka tidak yakin dengan bahasa mereka sendiri, atau boleh dikatakan 'mereka segan untuk berkomunikasi dengan orang asing menggunakan bahasa melayu'.

Jadi kesimpulan awal ialah bahasa Inggeris masih relevan dengan keperluan semasa. Namun kedudukan bangga dengan bahasa kebangsaan masih menjadi tanda Tanya. Pihak yang mementingkan isu memartabatkan bahasa melayu tinggi perlu mengambil serius terhadap hasil kajian ini.

4.3 Tahap persetujuan remaja bahawa Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan dan bahasa Inggeris sebagai keperluan pembelajaran sepanjang hayat.

Soalan yang dikemukakan; Bulatkan skala

1. Sejauhmana Anda Bersetuju: Bahasa Melayu tinggi sebagai Alat Perpaduan di Malaysia

Skala	Amat setuju 1	2	3	4	5	6	7	8	9	Amat tidak setuju 10
%	47.2	12	13	7.9	17.6	0.5	0.5	0	0.9	0.5

Data dari soalan 3 ini mengukuhkan kesimpulan soalan 2 tadi apabila ramai responden tidak berpendapat bahawa bahasa Melayu boleh lebih menjadi alat perpaduan pelbagai etnik di Malaysia. Walaupun angka peratusan menolak bahasa Melayu tinggi sebagai alat perpaduan tidaklah besar (20% sahaja). Namun ketidakyakinan 100% kepada bahasa tersebut (sekitar lebih 30%) oleh pendokong bahasa melayu memberi impak besar kepada jangka hayat bahasa tersebut.

Soalan seterusnya ialah sejauhmana anda bersetuju;

Bahasa Inggeris WAJIB dikuasai bagi Pembelajaran Sepanjang Hayat

Skala	Amat setuju 1	2	3	4	5	6	7	8	9	Amat tidak setuju 10
Bil.										
%	21.1	16.7	13.2	15	23.8	3.5	2.6	1.7	0.9	1.3

Boleh dikatakan daripada 5 orang remaja 1Malaysia, hanya seorang yang betul-betul amat bersetuju bahasa Inggeris wajib dikuasai bagi pembelajaran sepanjang hayat. Inipun satu data yang mengecewakan. Barangkali Tun Mahathir memahami situasi ini dahulu sehingga mewajib bahasa Inggeris kepada matapelajaran Sains dan Metematik.

Ramai juga (**32.8%**) menyatakan Bahasa Inggeris bukanlah alternatif bagi mereka untuk dikuasai bagi tujuan pembelajaran sepanjang hayat. Apabila diwawancarakan sebahagian antara mereka, dengan mudah mereka menekankan bahawa kehidupan berkerjaya dan seharian mereka nantinya hanya beredar di sekitar kawanannya yang tidak mendesak mereka menggunakan bahasa Inggeris.

Secara optimisnya lebih ramai (45%) melihat keperluan bahasa Inggeris walaupun mungkin sebahagiannya tidak sepenuhnya menguasai bahasa Inggeris. Alternatif yang wujud ini mengambilkira faktor penguasaan tamadun barat dunia kini. Paling tidak kata mereka, bahasa Inggeris memudahkan mereka berinteraksi menggunakan media alternatif sekarang.

Secara amnya dari dapatan wawancara, remaja 1Malaysia menyokong pandangan penulis apabila mereka sependapat bahawa ramai orang yang boleh menerima bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Namun apa yang menyedihkan apabila pandangan ini hanya dipandu oleh kepentingan semasa sahaja tanpa melihat halatujuan atau jangka hayat kedua-dua bahasa tersebut. Tidak wujud keseriusan mereka untuk pertahan memartabatkan bahasa ini lebih jauh.

4.4 Tahap Kesanggupan Remaja 1Malaysia Sebagai Pejuang Bahasa Melayu.

Kesimpulan awal tadi disokong sepenuhnya oleh dapatan terakhir ini apabila ditanyakan kepada responden remaja 1Malaysia berkenaan;

4. Sanggupkah anda menjadi pejuang bahasa Melayu dan menjadikannya bahasa tinggi?

Skala	Amat sanggup 1	2	3	4	5	6	7	8	9	Amat tidak sanggup 10
%	22.8	17.7	15.8	8.8	27.4	3.3	1.4	1	0.5	1.4

Secara mudah difahami, hanya 22.8% remaja 1Malaysia yang amat sanggup memperjuangkan nasib bahasa Melayu tinggi. Apa yang menarik, peratusan itu turut diwakili remaja 1Malaysia yang bukan Melayu (hampir 5%). Mereka berpandangan memang perlu ada bahasa Penyatuan yang mewakili bangsa Malaysia amnya. Pandangan ini amat memalukan remaja 1Malaysia Melayu dan penulis sendiri.

Seramai 27.4% yang masih ragu-ragu patutkah mereka mendokong bahasa tersebut. Lebih mengecewakan sebanyak 7.6% tidak bersedia menjadi pejuang bahasa Melayu tinggi, bahkan 1.4% menyatakan tentangan dengan amat tidak sanggup. Sebahagian mereka adalah remaja 1Malaysia Melayu.

5.0 Tahap Penerimaan Remaja 1Malaysia

Berdasarkan analisis data, dapatlah dirumuskan bahawa;

1. Remaja 1Malaysia memilih untuk mengekalkan penerimaan bahasa slanga dan bahasa pasar sebagai medium komunikasi mereka. Keutamaan Bahasa dialek berkomunikasi remaja 1Malaysia kurang diraikan apabila berada di kampus kecuali segolongan kecil mereka yang kurang kesanggupan bergaul dengan berlainan etnik. Terdapat juga peningkatan penggunaan bahasa melayu tinggi dan bahasa Inggeris bagi tujuan *survival* mereka sebagai mahasiswa dan memikirkan jangka hayat bahasa tersebut dan pembelajaran sepanjang hayatnya.
2. Faktor keperluan kerjaya masa depan menyokong penerimaan remaja terhadap bahasa Inggeris, namun sebaliknya bahasa ketiga yang lebih kepada penerokaan budaya dan bahasa baru. Remaja 1Malaysia tidak optimis untuk melihat banggunya peradaban bahasa melayu tinggi.
3. Tahap persetujuan remaja 1Malaysia bahawa Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan masih diragui. Ini kerana jawapan remaja mengecewakan dengan hanya sebahagian kecil sahaja menyokong penuh.
4. Pendapat bahawa bahasa Inggeris sebagai keperluan pembelajaran sepanjang hayat juga tidak menggalakkan. Tahap kerajinan remaja untuk secara serius menguasai bahasa Inggeris hanya sekitar 20% sahaja.
5. Tahap Kesanggupan remaja 1Malaysia sebagai pejuang tulen memartabatkan bahasa Melayu hanya sekitar 20% sahaja. Lebih menyedihkan apabila remaja melayu kurang sanggup berbanding sebilangan remaja 1Malaysia bukan melayu yang lebih menyanggupi mempertahankan bahasa Jiwa Bangsa ini.

Namun demikian, dapatan ini masih memberi harapan yang baik kepada memartabatkan penerimaan bahasa melayu tinggi dan penguasaan bahasa Inggeris apabila berdepan dengan generasi yang bakal memimpin negara suatu masa nanti.

Penguasaan bahasa slanga dan bahasa pasar boleh dibendung sekiranya semua pihak secara serius mengoptimalkan usaha penerimaan bahasa melayu tinggi. Paling tidakpun bahasa Inggeris dan bahasa ketiga boleh dijadikan alternatif kedua. Manakala isu bahasa komunikasi dengan dialek tempatan, ia tidak boleh dipersoalkan bagi menanganinya sebab ia melambangkan warisan kepada setiap etnik di Malaysia.

5.1 Ancaman Keutamaan Penerimaan Bahasa Melayu Tinggi Sebagai Bahasa Komunikasi Remaja 1Malaysia

Berdasarkan pengamatan dan penelitian akademik, ancaman di bawah ini turut menyokong data yang dikemukakan penulis;

1. Bahasa melayu tercabar dari sudut fungsi wahana penyampaian ilmu dan maklumat. Perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang memang tidak menjadikan bahasa melayu sebahagian dalam keperluan penulisan dan penerbitan buku-buku ilmiah. Dalam Sistem Pendidikan Negara, sebahagian besar ilmu ini disebarkan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ekoran daripada perubahan ini, ribuan istilah yang sudah digubal sejak 1956 tidak lagi diguna pakai untuk keperluan sistem pendidikan negara. Demikian juga dengan ratusan buku teks serta buku rujukan yang telah diterbitkan selama ini.

2. Keghairahan untuk menggunakan bahasa Inggeris kini bukan hanya tertumpu dalam sistem pendidikan negara sahaja, tetapi juga dalam sistem pentadbiran negara. Ini terbukti daripada beberapa banyak mesyuarat dan majlis rasmi yang melibatkan sektor awam yang sudah mula beralih menggunakan bahasa Inggeris ataupun mencampuradukkannya. Gejala bahasa rojak semakin menular menodai martabat bahasa kebangsaan.

3. Kurangnya penggunaan secara baku dan benar dalam penulisan Bahasa Melayu di kehidupan seharian, atau dikenali dengan "bahasa rojak". Rancangan televisyen contohnya tanpa perasaan bersalah dan dengan bangganya menggunakan bahasa rojak. Bentuk-bentuk rancangan dan filem yang separuh Inggeris separuh Melayu mencerminkan kealpaan media elektronik akan implikasi penggunaan bahasa yang sungguh rendah tarafnya.⁵ Selain dalam media elektronik, keleluasaan penggunaan bahasa rojak ini juga ketara di tempat-tempat awam. seperti *Maju Junction*, minyak pelincir *synthetic*, Taman Bayu Permai *Sales Party*, Restoran *Try to eat, touch and go*, dan kelas *Calligraphy* (Noresah Baharom, 2007).

4. Dalam kehidupan harian dan pergaulan masyarakat di Malaysia, lebih mengutamakan penggunaan bahasa ibunda mereka daripada Bahasa Melayu. Penggunaan Bahasa Inggeris lebih popular dan "bergaya" dibandingkan penggunaan Bahasa Melayu dalam perbualan di antara kaum yang berbeza. Sesetengah orang memandang "negatif" atau "rendah" ketika seseorang berbual menggunakan Bahasa Melayu. Sikap seperti ini yang mengakibatkan Bahasa Melayu kurang perkasa di negara sendiri, dan keadaan ini menyebabkan Bahasa Melayu tidak dapat diiktiraf sebagai bahasa dunia di peringkat antarabangsa. (Noresah Baharom, 2007)

Kesimpulan

Bahasa melayu tinggi dan bahasa Inggeris tidaklah menjadi keutamaan penerimaan bahasa berkomunikasi remaja 1Malaysia, sebaliknya bahasa pasar dan slanga serta dialek tempatan. Justeru, usaha penerimaan wajib diambil perhatian semua dan dijadikan satu agenda negara.

Abad ke-21 merupakan abad yang mencabar kesinambungan, kewujudan, dan kegemilangan sesebuah peradaban bangsa-bangsa di dunia. Asakan gelombang globlisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodenisme sering kali dikaitkan dengan kukuh atau lupusnya sesuatu bahasa, tradisi persuratan, dan budayanya. Pada abad ini, diramalkan 10 peratus bahasa akan mengalami kepupusannya. Dunia memiliki kira-kira 6000 bahasa sejak awalnya, kini tinggal 600 bahasa sahaja.

Dimanakah kedudukan bahasa Melayu? Negara industri seperti Jepun, Korea, Perancis, Jerman dan beberapa buah negara lain telah membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu yang ulung dan mantap. Mereka mempertahankan kewibawaan bahasa mereka sendiri dan menjadikan bahasa mereka sebagai sains dan teknologi, bahasa kepustakaan ilmu serta pengetahuan.

Sebaliknya di Malaysia semasa ini, wujud keraguan terhadap keyakinan tentang keupayaan dan kemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Masa hadapan akan menjadi lebih parah apabila bahasa Melayu kehilangan fungsinya sebagai bahasa pembinaan tamadun bangsa.

Bahan Rujukan:

⁵ Tajuk seperti *Datin Diaries, Three Sixty, Bisworlds, Rewind, Senario, The Making of: Jangan Pandang Belakang: Lady Driver, Lawaking, Cicak Man* (Noresah Baharom, 2007)

- Abd. Bin Nuh dan Oemar Bakry (1995), *Kamus Melayu Arab Inggeris, Arab Melayu Inggeris*, Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- al Munjīd Fi al Lughah wa al A'lām* (1986) Beirut: Dār al Mashrīq.
- A.S. Hornby (1995), *Oxford, Advanced Learner's Dictionary*, c.5., Oxford University Press.
- Awang Sariyan, 2006. Peranan Bahasa Melayu 2011. (Kerja Kursus Sociolinguistik dalam <http://www.scribd.com/doc/48040849/PERANAN-BAHASA-MELAYU-2011>)
- Kamus Dewan* (2002), Edisi 3, Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*, Bahasa Malaysia (1988), c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa* (1990), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwi Bahasa*, *Oxford Fajar*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim , “Ke Arah Penguasaan dan Penghayatan Bahasa Melayu Tinggi: Matlamat Pengajaran Bahasa dan Sastera Melayu”, Seminar Bahasa dan Sastera dalam Pendidikan ke-2, (Choo Hung Fei, Ciri Bahasa Melayu Tinggi dalam <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=537>)
- Noresah Baharom (2007) ”Pembudayaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Kebangsaan Dalam Mempertingkatkan Semangat Patriotisme Malaysia”. Program Bicara Tengah Hari anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia: Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka.
- Nur Azuki Yusuff dan Yohan Kurniawan , (2012) “1Malaysia = 1Bahasa: Sebuah Mediator Pemersatu Kaum di Malaysia”, Regional Conference on Cross-Culture Communication and National Integration: Universiti Pertahan Nasional Malaysia.
- Othman, R. 2011. Peranan Bahasa Melayu.(dalam <http://rosiah70.blogspot.com/2011/02/peranan-bahasa-melayu-1-asas-pembinaan.html>)
- Profesor Emeritus Abdullah Hassan (2012) “Bahasa Melayu Tinggi - bahasa intelektual” Persidangan Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pengetua Sekolah Malaysia ke-51, di Zenith Hotel, Kuantan. (dalam <http://pts.com.my/berita/bahasa-melayu-tinggi-bahasa-intelektual>)
- <http://eskapisminda.blogspot.com/2008/09/bahasa-tinggi.html>